

syarat-syarat asas permohonan



1. Kursus Sijil Jururawat Masyarakat - Skim Latihan (4641).

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Perempuan sahaja
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan

• Kelayakan

Pemohon hendaklah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktirafkan setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

• Keutamaan pemilihan

Pemohon yang mempunyai kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) dan Sains / Sains Tulen serta lulus matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.

• SKIM PERKHIDMATAN Jururawat Masyarakat Gred U19.

- Taraf Jawatan: Tetap.

Ikatan Perkhidmatan

Pelatih tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh 2 tahun.

Prospek Kerjaya

Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Kejururawatan Masyarakat yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Kursus Sijil Pembantu Kesihatan Awam - Kod Skim Latihan (4651).

Pemohon hendaklah terdiri daripada :

- Warganegara Malaysia
- Lelaki sahaja (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan.
- **Kelayakan**
 - o Sijil Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - o Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu peringkat Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

• SKIM PERKHIDMATAN Pembantu Kesihatan Awam Gred U17.

- Taraf Jawatan : Tetap

Ikatan Perkhidmatan

Pelatih tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh 2 tahun.

Prospek Kerjaya

Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Pembantu Kesihatan Awam. Latihan tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setelah berkhidmat dengan Kerajaan, anda boleh memohon untuk mengikuti kursus lanjutan ke peringkat Diploma di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu tempatan.

3. Kursus Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian - Kod Skim Latihan (3325).

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki dan Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan

• Kelayakan

Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan), Sains dan Matematik. Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

• Keutamaan pemilihan

Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

• SKIM PERKHIDMATAN Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17.

- Taraf Jawatan: Tetap.

Ikatan Perkhidmatan

Diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh 2 tahun.

Penempatan :

- Klinik Pergigian di Hospital Kerajaan
- Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan
- Klinik Pergigian Sekolah
- Pasukan Pergigian Bergerak

Prospek Kerjaya

Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Pembantu Pembedahan Pergigian. Setelah berkhidmat dengan kerajaan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, anda boleh memohon untuk mengikuti kursus lanjutan ke peringkat diploma di Institusi-institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.